

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan penyelesaian bagi pelambakan hasil tanaman sawit dan getah masyarakat luar bandar semasa pandemik. Menteri juga diminta menjelaskan pengimportan komoditi ini dengan harga yang rendah menyebabkan komoditi tempatan tidak dapat dipasarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

- Isu lambakan hasil tanaman sawit atau buah tandan segar (BTS) sawit yang tidak dapat dipasarkan adalah tidak begitu ketara. Hal ini kerana sektor industri sawit diklasifikasikan sebagai sektor perkhidmatan perlu dan kesan pandemik COVID-19 adalah sangat minimum.
- Minyak sawit dan produk berasaskan sawit yang dihasilkan oleh negara juga kebanyakannya dieksport. Sehubungan itu, tidak wujud masalah pengimportan yang menyebabkan komoditi sawit tempatan tidak dapat dipasarkan.
- Stok minyak sawit yang rendah ketika ini, iaitu di bawah 2 juta tan menunjukkan paras stok adalah terurus dengan baik. Pengeluaran

NO.SOALAN : 45

minyak sawit mentah (MSM) telah menyusut sebanyak 8.9% kepada 9.89 juta tan dari bulan Januari hingga Julai 2021 berbanding 10.86 juta tan pada tempoh yang sama tahun 2020.

- Eksport minyak sawit turut kekal stabil dengan jumlah eksport ke India telah meningkat melebihi dua (2) kali ganda bagi tempoh Januari hingga Julai 2021 berbanding tempoh yang sama tahun 2020. Justeru, industri sawit tidak berhadapan dengan isu lambakan hasil sawit.
- Bagi sektor getah, aktiviti urus niaga dan operasinya turut berjalan seperti biasa dengan mematuhi semua operasi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Hal ini kerana, sektor getah turut diklasifikasikan sebagai sektor perkhidmatan perlu.
- Lambakan hasil getah dalam negara juga tidak menjadi isu memandangkan pengeluaran getah tempatan adalah berkurangan setiap tahun. Oleh yang demikian, kilang-kilang pemprosesan getah tempatan terpaksa mengimport getah bagi meneruskan operasi kilang dan memenuhi permintaan getah terproses oleh kilang-kilang pembuatan barangan getah tempatan seperti sarung tangan getah dan permintaan untuk pasaran eksport.

Sekian, terima kasih.